

30,000 hadiri Perhimpunan UMNO UM 2.0 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun
— Perhimpunan Agung UMNO tahun ini mendapat sambutan hangat dengan kira-kira 30,000 pemerhati dan perwakilan memenuhi Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Kehadiran kumpulan yang besar ini menyebabkan PWTC mengalami kesesakan luar biasa berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Sejak awal pagi lagi, ruang legar bangunan dipenuhi oleh mereka yang setia menunggu ketibaan Datuk Seri DE. Mahathir Mohamad.

Mereka datang daripada seluruh pelosok tanah air semata-mata untuk mendengar dari dekat ucapan pemimpin yang menjadi kebanggaan orang Melayu yang akan bersara Oktober ini.

Ramai juga ahli UMNO yang kecewa apabila hasrat untuk turut serta mengikuti ucapan Dr. Mahathir di dalam Dewan Merdeka tidak kesampaian kerana tidak mempunyai pas masuk dewan.

Malah kekecewaan mereka jelas tergambar setelah ruang mengandungi skrin-skrin televisyen yang disediakan oleh pihak penganjur di luar dewan turut sesak dengan orang ramai.

Kewujudan ruang perniagaan yang lebih banyak berbanding tahun sebelum ini turut menyumbang kepada kesesakan yang berlaku.